



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT WILAYAH
PERSEKUTUAN DAN KEMENTERIAN WILAYAH
PERSEKUTUAN 2021**

9 OKTOBER 2021 | 8 PAGI |

ATRIUM, KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

SALUTATION

1. YB DATUK SERI JALALUDDIN BIN ALIAS

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan

2. YBHG. DATO' PARANG ABAI @ THOMAS

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan & Sosio Ekonomi)

Kementerian Wilayah Persekutuan

3. YBHG. DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan & Pembangunan)

Kementerian Wilayah Persekutuan

4. YBHG. DATUK HAJI RAMLAN BIN HAJI SHAHEAN@ASKOLANI

Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

5. YBRS. DR. HASNUL FAIZAL BIN HUSHIN AMRI

Pengarah

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

6. YBRS. TUAN ASMORI BIN SA'AHARI

Pengarah Jabatan Belia Dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

7. SETIAUSAHA-SETIAUSAHA BAHAGIAN

8. PEGAWAI DAN KAKITANGAN KEMENTERIAN WILAYAH

PERSEKUTUAN DAN AGENSI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Sambutan Hari Sukan Negara (HSN), yang diadakan setiap tahun sejak 2015 diadakan bagi membudayakan sukan untuk kesejahteraan dan kesepaduan rakyat seiring usaha kerajaan untuk membina sebuah negara makmur, harmoni dan inklusif.
2. Usaha ini adalah bagi merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara sukan (*sporting nation*) dengan penyertaan masyarakat di semua peringkat dalam aktiviti sukan dan penglibatan pihak organisasi adalah langkah penting dan perlu dilakukan secara bersama.
3. Sukan juga adalah kaedah terbaik untuk mengukuhkan inklusiviti dalam kalangan rakyat dan juga pembudayaan sukan ini bakal menjadi medium memperkasakan keharmonian, kemuafakatan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat.
4. Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan 2019 di kalangan penduduk Malaysia berumur 18 tahun ke atas mendapati hasil seperti berikut:
 - 3.9 juta orang mengalami masalah diabetes iaitu peningkatan daripada 3.5 juta berbanding tahun 2015;
 - 3 daripada 10 orang menghidap hipertensi iaitu melibatkan seramai 6.4 juta orang penduduk;
 - 8 juta orang daripada jumlah penduduk Malaysia mempunyai paras kolesterol yang tinggi di dalam darah; dan

- 1 daripada 2 dewasa daripada rakyat Malaysia dikategorikan dalam kategori berlebihan berat badan atau obes.
5. Hasil kajian ini boleh dijadikan peringatan kepada seluruh rakyat Malaysia terutama sekali warga di Wilayah Persekutuan untuk sama-sama mengambil berat dan menjadikan sebagai dorongan terhadap pembudayaan sukan dan amalan gaya hidup sihat dan aktif demi kesejahteraan bersama.
 6. Di Wilayah Persekutuan, sokongan kepada amalan cara hidup sihat menerusi Agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan juga dilaksanakan dari semasa ke semasa, seperti:
 - Penyediaan taman-taman awam dan kemudahan sukan di bawah DBKL, PPj dan Perbadanan Labuan yang lengkap dan mencukupi di setiap kawasan penduduk bagi memberi peluang kepada warga Wilayah Persekutuan untuk bergiat cergas dan membudayakan gaya hidup sihat.
 - Melalui peranan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) pula, tanggungjawab membangunkan sukan di Wilayah Persekutuan menjadi agenda utama dalam pencarian bakat dan penyediaan atlet prestasi tinggi.
 7. Tahun 2020 bagaimanapun menyaksikan seluruh dunia termasuklah Malaysia berperang dengan pandemik Covid-19 dan memberi impak kepada sektor ekonomi, kesihatan dan juga sukan.
 8. Pandemik Covid-19 menyebabkan keterbatasan dalam beberapa aktiviti fizikal dan kecergasan dan pelbagai acara sukan termasuk

Hari Sukan Negara dan kejohanan sukan yang lain terpaksa dibatalkan.

9. Pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi dan sosial secara berperingkat memberi peluang kita menyambut Hari Sukan Negara peringkat Wilayah Persekutuan serentak dengan peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan pada pagi ini mengikut Standard Operation Procedure (SOP) Sektor Sukan dan Rekreasi yang dikeluarkan MKN.
10. Sebelum pandemik, warga kota khususnya mempunyai ramai peminat sukan atau sports enthusiast apabila ramai yang turut serta dalam pelbagai penganjuran sukan seperti Fun Run, Marathon, futsal, badminton dan juga mendaki bukit/gunung.
11. Bakal memasuki fasa endemik, warga kota kini sudah boleh kembali ke gimnasium, bermain bola atau bermain badminton namun saya ingatkan supaya semua sentiasa berwaspada dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.
12. Jika kes bilangan jangkitan Covid-19 harian semakin baik, berkemungkinan Putrajaya dan Kuala Lumpur boleh menganjurkan semula pelbagai acara larian dan juga marathon seperti sebelum pandemic berlaku.
13. Penganjuran Hari Sukan Negara 2021 menandakan warga Wilayah Persekutuan juga diberi sedikit kebebasan menyertai beberapa aktiviti sukan secara fizikal mengikut garis panduan MKN biarpun kini banyak pertandingan secara virtual seperti Virtual Run,

Virtual Ride dan juga e-sports yang boleh dilakukan secara bersendirian.

14. Sebanyak 100 program dan aktiviti sukan dirancang bagi sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, antaranya ialah:
 - Keluarga Malaysia : Fit and Active Family HSN2021
 - Pertandingan Kursus Asas Ikatan
 - Pertandingan e-Sports FIFA 2021
 - Let's Get Fit During Pandemic (Talk)
 - KBS Lifestyle Talk (How to generate income during pandemic)

15. Di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan pula, antara aktiviti yang bakal diadakan sebentar lagi termasuk berjalan kaki sejauh 3 kilometer, Fitness Assessment – Sit & Reach, Hand Grip Test, Standing Broad Jump dan Burpee serta Health Assessment.

16. Setiap Agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, juga mengadakan program dan aktiviti masing-masing serentak pada hari ini.

17. Di Labuan pula yang sudah memasuki Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN), dapat menganjurkan lebih banyak acara fizikal seperti 2 Hours Non-Stop Aerobic, 25 Minutes Ladies Tabata Challenge, Ride: MTB, Fun Run 5km dan Kayak 7km.

18. Hasrat saya, semoga warga Wilayah Persekutuan sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif namun dalam masa yang sama kekal mengikut SOP yang ditetapkan bagi menjayakan

matlamat negara ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Sukan (*Sporting Nation*).

19. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Hari Sukan Negara Peringkat Wilayah Persekutuan dan peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tahun 2021.

Sekian, terima kasih